

**PERSEPSI DAN PENERIMAAN MAHASISWA TERHADAP FATWA NEGERI
SELANGOR¹****UNIVERSITY STUDENTS PERCEPTION AND ACCEPTANCE ON FATWA IN
STATE OF SELANGOR**Ahmad Hidayat Buangⁱ Che Rozaihan Che Rosliⁱⁱⁱ University of Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia*Corresponding author: hidayat.buang@gmail.com

Abstrak	Abstract
<p><i>Di Malaysia pengeluaran fatwa ditadbir dan diinstitusikan melalui undang-undang negeri. Melalui peruntukan undang-undang, jawatan Mufti dan Jawatankuasa Fatwa ditubuhkan yang berperanan mengeluarkan fatwa sebagai panduan kepada masyarakat Islam dan kerajaan dalam perkara yang berkaitan dengan urusan agama Islam. Namun begitu isu berkaitan dengan keberkesanan fatwa, terutama mengenai penerimaannya oleh masyarakat dan juga agensi kerajaan masih lagi dipersoalkan. Kajian dan penulisan lepas menunjukkan masyarakat secara umumnya mempertikaikan beberapa keputusan fatwa yang kontroversi. Sehubungan dengan itu, kajian ini di samping cuba menganalisis latarbelakang pentadbiran, pengurusan serta perundangan fatwa di Malaysia, secara utamanya bertujuan mengenalpasti penerimaan masyarakat terhadap fatwa dengan mengambil mahasiswa sebagai sampel kajian. Dengan merujuk kepada beberapa fatwa yang telah diwartakan di negeri Selangor, melalui penggunaan instrument soal selidik, kajian ini akan menguji kefahaman dan penerimaan mereka terhadap fatwa berkenaan.</i></p>	<p><i>In Malaysia the issuance or pronouncement of fatwa or Islamic edict is regulated and institutionalized by state law. Established under the law, Mufti and fatwa committee issue fatwas to provide guidance to Muslim society and state in matters relating to religion of Islam. However, issues on the effectiveness of fatwa especially its acceptance among Muslim society and even state agencies still continue to be debated. Past literature has shown that society generally questioning some controversial fatwa. This article, although will analyse the administration, management and legal background of the fatwa, it is primarily aimed at ascertaining on the acceptance of fatwa by society through the sampling of public university students. With reference to a number of fatwa issued and gazetted as laws in the state of Selangor, using questionnaire technique this article will identify their level of knowledge and acceptance to these fatwas. Analysis by way of frequency tabling on the result of the questionnaire shows that at average more than 69% of the students were very satisfied and very agreed as well as satisfied and agreed on all the questions asked.</i></p>

¹ Sebahagian data daripada kajian ini diperoleh dengan menggunakan dana penyelidikan RP007D-13HNE Universiti Malaya. Penulis ingin mengucapkan terima kasih atas bantuan kewangan dari dana berkenaan.

<p><i>Analisis dengan menggunakan jadual frekuensi daripada data soal selidik mendapati secara purata melebihi 69% mahasiswa di institusi pengajian awam sangat berpuashati dan sangat bersetuju serta berpuashati dan bersetuju bagi semua soalan yang ditanya. Dapatan ini mengandaikan terdapat perubahan dalam sikap masyarakat khususnya mahasiswa terhadap penerimaan fatwa. Analisis secara kualitatif menyimpulkan bahawa perubahan ini berpunca daripada penambahbaikan pentadbiran jabatan Mufti di samping pengaruh penggunaan internet dalam penyebaran maklumat berkaitan fatwa.</i></p> <p>Kata Kunci: <i>Fatwa, Mufti, Pentadbiran Islam, Mahasiswa Universiti, Selangor.</i></p>	<p><i>This result indicates there is a change in society's attitude especially university students towards the acceptance of fatwa. Based on quantitative analysis, this change is due to the improvement of the Mufti department administration as well as the effect on the use of internet in distributing information relating to fatwa.</i></p> <p>Keywords: <i>Fatwa, Mufti, Islamic Management, University Students, Selangor.</i></p>
---	--

PENDAHULUAN

Fatwa merupakan satu panduan penting bagi masyarakat Islam terutama dalam konteks di mana terdapatnya cabaran-cabaran kemajuan moden yang dalam banyak keadaan boleh menimbulkan keraguan atau kebimbangan kepada individu dan masyarakat Islam terhadap kemurniaan atau kesucian pegangan dan amalan agama. Oleh yang demikian fatwa berperanan membimbing dan menerangkan kepada masyarakat awam tentang hukum-hukum Islam yang menyentuh kehidupan, amalan, kepercayaan serta lain-lainnya yang akhirnya dapat memberi keyakinan, kekuatan mental serta emosi dalam mengharungi cabaran-cabaran tersebut.

Di Malaysia peranan ini dilaksanakan oleh pihak Mufti yang dilantik secara rasmi oleh pemerintah melalui peruntukan undang-undang. Sungguhpun masyarakat Islam boleh merujuk kepada sesiapa sahaja yang mereka percaya untuk mendapatkan panduan hukum, namun rujukan berkenaan tidaklah rasmi dan mereka yang memberi pandangan berkenaan tidak boleh dipertanggungjawabkan sebagaimana Mufti yang dilantik secara rasmi. Memandangkan masyarakat Islam Malaysia adalah cukup perihatin kepada sebarang persoalan berkaitan dengan agama mereka, sebarang kekurangan atau kelemahan institusi-institusi agama Islam seperti Jabatan Agama Islam, Mahkamah Syariah dan termasuk juga Mufti akan dikritik dan dipersoalkan oleh mereka (Ahmad Ibrahim, 1997A: 97-115; Farid Sufian Shuaib, 2008: 443-464).

Banyak faktor yang menyumbang kepada kelemahan dan kekurangan berkenaan, namun dengan perubahan dan perkembangan progresif institusi berkenaan sudah tentulah kelemahan tersebut akan cuba diatasi. Oleh yang demikian, adalah wajar untuk dikaji apakah perubahan itu memberi kesan kepada

persepsi masyarakat terhadap institusi agama. Dengan memilih Jabatan Mufti dan mahasiswa universiti sebagai fokus kajian, adalah diharapkan persoalan di atas boleh dijawab. Tajuk ini dipilih kerana belum ada kajian dilakukan secara khusus hubungan antara fatwa dan mahasiswa universiti awam (UA). Pemilihan kumpulan fokus mahasiswa adalah kerana faktor kesedaran mereka yang tinggi terhadap isu-isu masyarakat termasuk persoalan yang berkaitan fatwa. Kefahaman mereka terhadap fatwa khususnya di kalangan yang beragama Islam akan memberi impak yang positif kepada masyarakat dan negara memandangkan fatwa-fatwa yang dikeluarkan itu umumnya berkaitan dengan kepentingan umum dan negara dan mahasiswa sebagai barisan pelapis pimpinan negara dan masyarakat.

METODOLOGI KAJIAN

Kaedah mengumpul maklumat dalam kajian ini secara soal selidik dan perpustakaan. Bagi data soal selidik penulis telah menggunakan teknik pensampelan rawak mudah iaitu dengan memilih seramai 100 mahasiswa dan mahasiswi UA dari Universiti Malaya dan Universiti Kebangsaan Malaysia sebagai sampel kajian. Kaedah ini digunakan untuk mendapatkan sampel daripada saiz populasi yang besar dan setiap ahli populasi mempunyai peluang yang sama untuk terpilih sebagai sampel (Noraini Idris, 2010: 116). Diakui saiz sampel adalah kecil iaitu sebanyak 0.03% daripada jumlah populasi keseluruhan mahasiswa UA dan 1% daripada jumlah mahasiswa di UM dan UKM. Perkara ini tidak dapat dielakkan kerana faktor masa dan kewangan. Oleh yang demikian hasil yang diperolehi daripada soal selidik berkenaan merupakan satu persepsi pelajar terhadap isu yang dikaji. Namun begitu penyelidik akan cuba menyokong hasil yang diperolehi dengan data-data sekunder yang lain bagi memperkuatkan dapatan tersebut. Data yang diperolehi akan dianalisis secara kualitatif iaitu dengan membuat inferens dan generalisasi iaitu secara deduktif. Untuk mendapatkan persepsi pelajar terhadap kefahaman dan penerimaan mereka kepada institusi fatwa dan fatwa itu sendiri, sebanyak 38 soalan telah disediakan. Soalan-soalan berkenaan dipecahkan kepada tujuh bahagian iaitu (1) latarbelakang responden (6 soalan), (2) kefahaman terhadap konsep fatwa (6 soalan), (3) pengetahuan terhadap pengurusan fatwa di Selangor (15 soalan), (4) kegunaan fatwa kepada mahasiswa dan masyarakat (14 soalan), (5) cara atau kaedah mendapatkan fatwa (1 soalan) (6) kefahaman terhadap hukum yang diputuskan oleh fatwa-fatwa terpilih (5 soalan) dan (7) cadangan (5 soalan). Dalam merangka soalan di bahagian keenam, empat fatwa telah dipilih iaitu larangan merokok, insurans am, ajaran sesat dan pertandingan ratu cantik. Keempat-empat fatwa ini mewakili fatwa yang berkaitan sosial, akidah dan muamalah yang sering diperkatakan oleh masyarakat dan media dan oleh itu dapat dikatakan sebagai fatwa yang kontraversi. Data yang diperolehi melalui borang soal-selidik akan dianalisis dan dihuraikan dengan menggunakan jadual

frekuensi. Pemilihan fatwa negeri Selangor adalah kerana kedua-dua universiti ini berada di negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan.

SOROTAN KAJIAN LEPAS

Kajian tentang kefahaman dan penerimaan fatwa telah dilakukan oleh beberapa penulis sebelum ini. Othman bin Ishak adalah yang pertama membuat tinjauan terhadap penerimaan fatwa ini di kalangan masyarakat. Kaedah yang digunakan bagi mendapat maklumat berkenaan adalah secara temubual dengan beberapa pihak berkepentingan seperti Mufti, Hakim dan ahli-ahli akademik serta semakan kepada fatwa-fatwa yang disifatnya sebagai kritikal daripada tahun 1950an sehingga 1970an yang berjumlah sebanyak 1,464 fatwa dari seluruh negeri di Malaysia. Hasil kajian beliau mendapati masyarakat, mahkamah bahkan kerajaan sendiri tidak menghormati fatwa, kerana mereka keliru kepada percanggahan-percanggahan yang terdapat dalam fatwa berkenaan terutama antara negeri-negeri di Malaysia (Othman Ishak, 1981: 90). Kajian Othman Ishak penting kerana ia meletakkan buat pertama kalinya parameter persepsi terhadap fatwa, sungguhpun dapatan kajiannya lebih menekankan kepada autoriti fatwa tersebut dari sudut pandang ilmuwan, pengamal undang-undang dan pentadbir, dan tidak cuba meninjau persepsi masyarakat terhadap fatwa.

Oleh yang demikian rujukan kepada autoriti fatwa ialah dengan menunjukkan kedudukan yang rendah fatwa dalam sistem perundangan negara. Contoh yang selalu dibincangkan oleh penulis dan pengkaji seperti Ahmad Ibrahim (1997B: 87) adalah melalui penghakiman kes *Tengku Mariam v. Pesuruhjaya Agama Islam Terengganu* [1969] 1 MLJ 110. Dalam kes ini Mahkamah Tinggi Kuala Terengganu berpendapat ia tidak terikat dengan fatwa yang dikeluarkan oleh Mufti dan oleh yang demikian mengisytiharkan wakaf yang sempurna dan sah mengikut hukum Syarak tidak dianggap sah berdasarkan kepada prinsip undang-undang Inggeris "*rules against perpetuity*". Sungguhpun keputusan kes ini dibatalkan oleh Mahkamah Rayuan, namun alasannya adalah kerana semua pihak yang bertikai dalam kes itu telah bersetuju untuk menerima fatwa Mufti, dan bukan kerana fatwa itu mengikat mahkamah [1970] 1 MLJ 275. Kajian toleh Muhammad Ikhlas Rosele et.al. (2013) yang meneliti beberapa fatwa semasa seperti hukum ESQ leadership training dan zakat penggajian serta lain-lain fatwa seperti hukum senaman yoga, merokok, tarian poco-poco dan pelaburan ASB-ASN telah mendapati terdapatnya perbezaan atau apa yang penulis istilahkan sebagai konflik antara negeri-negeri di Malaysia. Sungguhpun demikian kajian ini tidak menunjukkan apakah perbezaan atau konflik menyebabkan kekeliruan di kalangan masyarakat sebagaimana dapatan kajian oleh Othman Ishak kerana tidak disokong oleh mana-mana data empirikal.

Dalam usaha untuk meneliti kefahaman dan penerimaan fatwa dalam masyarakat, kajian yang dilakukan oleh Raihanah Abdullah (2004) telah mengembangkan apa yang telah diperolehi oleh Othman Ishak. Dengan menggunakan kaedah pensampelan berstruktur terhadap seramai 4354 responden

Muslim dari seluruh negara, kajian Raihanah Abdullah menyimpulkan bahawa rujukan pihak masyarakat kepada Mufti untuk menyelesaikan persoalan hukum mereka adalah sedikit iaitu hanya sebanyak 5.4%. Kajian Raihanah mendapati masyarakat lebih selesa merujuk masalah hukum mereka untuk penyelesaian kepada Ustaz/Imam (37.3%), keluarga/sahabat (30.3%) dan media cetak (12.4%). Jawapan yang diberikan kepada keadaan ini adalah pelbagai seperti berikut (2004, 155):

- (1) Tidak percaya dengan kebebasan Mufti kerana berada dalam kerangka sekular dan menyebelahi pihak berkuasa politik.
- (2) Mufti sukar untuk dihubungi kerana terlalu terikat dengan formaliti pejabat.
- (3) Mufti tidak tegas dan memberi jawapan yang berbeza-beza dalam satu masalah yang sama.

Oleh yang demikian persepsi yang dinyatakan oleh Othman Ishak disahkan oleh kajian Raihanah Abdullah. Sungguhpun demikian dapatan ini hanya melihat masyarakat dan fatwa secara umumnya tapi memfokuskan kepada kumpulan dan fatwa tertentu. Dapatan yang sama dihuraikan oleh Hasnan Kasan (2008) yang menjelaskan penolakan kepada fatwa bukan sahaja terhadap kepada masyarakat awam bahkan juga kerajaan. Dengan menganalisis wacana fatwa-fatwa yang diterbitkan samada melalui bahan bacaan, siaran media serta ucapan-ucapan, faktor-faktor yang menyumbang kepada penolakan otoriti fatwa berpunca daripada sikap masyarakat itu sendiri dan amalan serta prosedur fatwa. Mengikut Hasnan golongan masyarakat yang tidak menerima otoriti fatwa mendakwa pengeluaran fatwa berkenaan tidak mengikut kaedah-kaedah perundangan Islam (131 dan 142), Mufti tidak bebas mengeluarkan fatwa (145), penjelasan fatwa yang tidak terperinci tanpa dalil-dalil atau rujukan (147), masa yang terlalu lama diambil untuk mengeluarkan fatwa (143), masyarakat tidak mengetahui adanya fatwa sedemikian (137) dan lebih gemar mencari alternatif daripada fatwa rasmi kerana mempercayai "fatwa alternatif" berkenaan lebih adil, bersih daripada keraguan dan lebih menyakinkan (131). Faktor yang terakhir itu mengikut Hasnan banyak berpunca daripada sentimen sokongan politik atau mempunyai kepentingan tertentu (130).

Berdasarkan kepada faktor-faktor di atas Hasnan membuat kesimpulan bahawa penerimaan fatwa banyak berlaku di kalangan masyarakat masyarakat yang tidak mempunyai pendidikan tinggi serta yang tinggal di luar bandar (128-129). Jika pun mereka berpendidikan tinggi mereka menerima fatwa itu kerana terdapat kepentingan atau mempunyai aliran politik yang sama. Kesimpulan yang menyentuh latarbelakang pendidikan agak sukar untuk dibuktikan dengan hanya menganalisis kepada wacana mengenai fatwa kerana sebagaimana yang ditunjukkan oleh Hasnan sendiri terdapat sentimen politik dan bias kepentingan dalam penerimaan dan penolakan sesuatu fatwa itu. Sungguhpun demikian

kritikan fatwa rasmi oleh golongan yang berpendidikan tinggi tidak semestinya penolakan kepada fatwa, namun harus dianggap sebagai proses pemantapan dan pemurniaan fatwa berkenaan dari sudut ilmiahnya (Mahmood Zuhdi Abdul Majid, 2004: 92). Kajian ini dengan itu cuba untuk memperincikan samada faktor ini boleh disokong dengan dapatan emperikal atau tidak.

Kajian yang lebih spesifik terhadap fatwa dan kumpulan masyarakat tertentu dilakukan oleh Sharin Tarmizi Che Abdullah et.al. (2007) terhadap masyarakat Muslim yang datang ke hari terbuka universiti yang menyentuh fatwa larangan merokok. Kajian ini mendapati bahawa tidak terdapat perbezaan signifikan antara pengetahuan bahaya merokok dari segi kesihatan dan larangan agama merokok. Dengan menggunakan soal selidik terhadap 74 responden Muslim yang datang ke hari terbuka universiti, kajian ini mendapati 6.7% responden yang merokok menyatakan merokok itu haram berbanding 48% responden yang tidak merokok menyatakan yang sama. Kajian ini justeru menyimpulkan bahawa tiada perhubungan signifikan antara yang memahami fatwa merokok dan yang tidak memahami dalam tabiat mereka merokok. Ini sekaligus menunjukkan bahawa pihak masyarakat masih memandang rendah kepada otoriti fatwa. Oleh yang demikian kajian ini mengesahkan hasil dapat kajian Othman Ishak dan Raihanah Abdullah seperti di atas serta selaras dengan kenyataan Hasan Kasan iaitu penerimaan dan penolakan fatwa itu bergantung kepada kepentingan dan faedah tertentu yang diperoleh oleh sesetengah kalangan masyarakat.

Dengan mengambil hasil-hasil kajian di atas sebagai panduan, kajian dalam artikel ini oleh itu cuba untuk meninjau kefahaman dan persepsi segolongan anggota masyarakat secara spesifik iaitu mahasiswa universiti terhadap fatwa dalam satu negeri dan cuba untuk melihat samada terdapat perbezaan atau persamaan antara kajian-kajian di atas. Kajian ini cuba meneiliti apakah dengan perubahan masa dan teknologi terutama pengaruh internet dan globalisasi serta perubahan yang berlaku pada organisasi fatwa telah memperbaiki persepsi ini sekurang-kurangnya pada pandangan mahasiswa universiti. Dalam membincangkan topik ini, artikel ini akan menghuraikan terlebih dahulu latarbelakang organisasi, pentadbiran, pengurusan serta perundangan fatwa di Selangor dan kemudian akan diikuti dengan analisis soal-selidik mahasiswa universiti terhadap penerimaan fatwa.

Fatwa yang diwartakan di Selangor dari tahun 1995 hingga 2015

Dari tahun 1995 sehingga Mac 2009 terdapat 125 fatwa yang telah diwartakan oleh kerajaan Negeri Selangor. Fatwa yang diwartakan dapat dibahagikan dalam beberapa kategori iaitu kategori Syariah, Usuluddin dan Sosial. Kategori Usuluddin merupakan jumlah tertinggi fatwa yang diwartakan, diikuti Syariah dan Sosial. Berikut merupakan fatwa-fatwa yang diwartakan dari tahun 1995 sehingga 2015.

Jadual 1: Jumlah Fatwa Yang diwartakan Di Selangor Mengikut Tahun dan Bidang 1995-2015

Bidang Tahun	Akidah	Sosial	Zakat/ Baitulmal	Ibadat	Muamalat	Munakahat/ Kekeluargaan	Jumlah
1995	12	3	-	2	-	-	17
1998	5	-	-	-	-	-	5
1999	1	-	-	-	-	-	1
2000	2	-	-	-	-	-	2
2001	1	1	4	3	-	-	9
2002	1	1	1	-	-	-	3
2004	1	2	1	-	-	-	4
2005	-	1	2	-	2	2	7
2006	-	3	-	1	1	-	5
2007	-	7	2	-	-	-	9
2008	1	-	-	-	1	-	2
2009	-	-	1	-	-	-	1
2010	1	-	-	-	-	1	2
2011	4	1	6	2	5	2	20
2012	1	6	4	2	3	1	17
2013	1	2	2	-	2	-	7
2014	1	2	1	-	5	1	10
2015	3	-	1	-	-	-	4
Jumlah	35	29	25	10	19	7	125

Sumber: Jabatan Mufti Negeri Selangor

Daripada jadual yang dibentangkan di atas didapati jumlah bidang fatwa terbanyak diwartakan adalah dalam perkara akidah iaitu sebanyak 28% dan diikuti oleh sosial sebanyak 23.2% dan zakat/baitulmal sebanyak 20%. Perkara dalam bidang sosial adalah termasuk soal halal haram dan bidang-bidang baru seperti perubatan (untuk maklumat penditilan bidang-bidang fatwa ini). Bidang akidah banyak diwartakan kerana ia merupakan perkara sensitif umat Islam dan pihak Mufti percaya ini adalah cara terbaik untuk melindungi akidah umat Islam daripada dicemari oleh ajaran-ajaran sesat. Peratusan ini tidaklah banyak berbeza dengan trend pengwartaan fatwa di peringkat nasional yang banyak tertumpu kepada bidang akidah iaitu sehingga tahun 2000 peratusan bagi pewartaan fatwa dalam bidang Usuluddin adalah sebanyak 85.3% (Ahmad Hidayat Buang, 2004: 129). Sebahagian daripada fatwa ini dijadikan soalan untuk menguji kefahaman pelajar IPTA seperti analisis di bawah.

Analisis Borang Selidik Persepsi Pelajar IPTA Terhadap Pengurusan dan Kefahaman Fatwa di Negeri Selangor

Penulis telah melakukan kajian lapangan bagi mengetahui penerimaan mahasiswa Institut Pengajian Tinggi (IPTA) terhadap keputusan-keputusan fatwa yang diwartakan bagi negeri Selangor melalui pengedaran borang-borang soal selidik. Kajian lapangan ini melibatkan 100 orang responden di dua kampus Universiti Malaya dan Universiti Kebangsaan Malaysia yang dijalankan antara 1-30 April 2013. Jumlah ini mewakili sebanyak 0.03% daripada jumlah keseluruhan enrolmen pelajar IPTA di peringkat ijazah dasar pada tahun 2013 iaitu sebanyak 331,410 atau sebanyak 1% daripada jumlah enrolmen pelajar bagi kedua-dua universiti iaitu sebanyak 27,091 bagi UM dan 30,042 bagi UKM.² Sudah tentu jumlah ini tidak dapat mewakili pandangan pelajar IPTA keseluruhannya, namun ianya boleh dijadikan satu indikasi terhadap persepsi pelajar terhadap fatwa. Penulis telah membahagikan soal selidik kepada enam bahagian iaitu maklumat responden, pengetahuan mengenai konsep fatwa, persepsi terhadap fatwa serta Jawatankuasa Perunding Hukum Islam negeri, saluran penyebaran fatwa, penerimaan terhadap fatwa yang diwartakan dan cadangan.

(1) Latarbelakang Responden

Seramai 100 orang responden telah berjaya ditemui secara rawak daripada kalangan mahasiswa di kedua-dua Universiti Malaya dan Universiti Kebangsaan Malaysia. Ringkasan latar belakang responden adalah seperti di Jadual 2 berikut.

Jadual 2: Butiran Latarbelakang Responden

Pecahan Universiti	54% Universiti Malaya	46% Universiti Kebangsaan Malaysia
Aliran Pengajian	81% Aliran Sastera (45% UM) (36%UKM)	19% Aliran Sains (9% UM) (10% UKM)
Jantina	62% perempuan (36% UM) (26% UKM)	38% lelaki (18% UM) (20% UKM)
Umur	96% (21-30 tahun)	4% (20 tahun ke bawah)
Perkahwinan	90% (belum berkahwin)	10% berkahwin

Daripada butiran jadual di atas, agihan latarbelakang responden adalah seimbang dan mewakili pelbagai pihak mahasiswa dari segi universiti, aliran pengajian dan jantina. Sungguhpun tidak terdapat kesimbangan dari segi umur dan perkahwinan namun ini tidak menjejaskan perwakilan pelajar kerana adalah dimaklumi kebanyakan pelajar Universiti mewakili majoriti daripada umur 21-30 tahun dan kebanyakan mereka belum berkahwin. Begitu juga perbezaan yang ketara antara bidang pengajian sastera dan sains yang mana pada pandangan

² Kementerian Pendidikan Malaysia (2014), *Perangkaan Pendidikan Tinggi Negara: Sektor Pengajian Tinggi 2013*, h.2 dan 8. Peratusan ini boleh dibesarkan lagi jika saiz sampel hanya dikhususkan kepada pelajar Muslim. Namun perkara ini tidak dapat dilakukan kerana kekurangan data mengenai jumlah pelajar Muslim di UA.

penyelidik ia tidak menjejaskan analisis yang akan dilakukan berdasarkan kepada pemboleh ubah lain yang seimbang.

(2) Kefahaman Mahasiswa Terhadap Konsep Fatwa

Untuk menguji pelajar tentang kefahaman mereka terhadap konsep fatwa soalan-soalan yang berkaitan telah ditanya kepada mahasiswa. Hasil daripada soalan berkenaan adalah seperti di Jadual 3 berikut:

Jadual 3: Kefahaman Mahasiswa Terhadap Konsep Fatwa
(Dalam Peratusan)

Soalan	A	B	C	D	E
Pengetahuan terhadap maksud fatwa	5	55	35	3	2
Pengetahuan tentang kewajipan berpegang atau merujuk kepada fatwa	12	59	21	5	3
Pengetahuan berdosa sekiranya ingkar dengan fatwa	7	57	24	6	5
Pengetahuan fatwa hendaklah berasaskan kepada al-Quran, Hadith dan kepentingan umum	30	61	7	2	-
Pengetahuan fatwa hendaklah selari dengan kehendak Islam dan keperluan semasa	31	61	7	1	-
Pengetahuan peranan fatwa amat diperlukan pada zaman moden	36	54	6	3	1
Pengetahuan fatwa memberi manfaat dalam menyelesaikan masalah dunia kini	32	61	5	-	2
Pengetahuan terhadap fatwa yang diwartakan di Negeri Selangor	5	32	46	13	4

A- Sangat Baik, B- Baik, C- Tidak Pasti, D- Lemah, E- Sangat Lemah

Hasil daripada soalan-soalan yang ditanya mendapati majoriti mahasiswa mempunyai tahap pengetahuan yang memuaskan terhadap konsep fatwa sebagaimana yang ditunjukkan dalam jadual di atas dengan purata sebanyak 55% yang mempunyai kefahaman yang baik. Namun begitu mereka tidak berapa memahami apakah yang dimaksudkan dengan bentuk fatwa yang diwartakan sebagaimana menurut undang-undang dengan purata sebanyak 18%. Dapatan ini adalah selaras dengan dapatan Raihanah Abdullah (2004:149) yang mendapati majoriti masyarakat memahami fatwa sebagai perbuatan Mufti mengenai hukum.

(3) Persepsi Terhadap Pengurusan Fatwa di Selangor

Tujuh soalan telah dikemukakan bagi mendapat pandangan atau persepsi mahasiswa terhadap pengurusan fatwa Jabatan Mufti Selangor. Jawapan yang diberikan adalah seperti yang diringkaskan di Jadual 4 di bawah.

Jadual 4: Persepsi Terhadap Pengurusan Fatwa di Selangor
(Dalam Peratusan)

Soalan	A	B	C	D	E
Jabatan Mufti dan JK Fatwa sebagai badan yang berperanan dalam aspek hukum Islam di Selangor	14	62	19	2	3
Jabatan Mufti dan JK Fatwa membantu usaha-usaha penyelidikan dan penyelarasan fatwa	17	50	30	2	1
Jabatan Mufti dan JK Fatwa perihatin dan proaktif dalam pengeluaran fatwa di Selangor	11	65	21	2	1
Fatwa yang dikeluarkan oleh Jabatan Mufti dan JK Fatwa sangat relevan dengan kepentingan umat Islam di Selangor*	11	65	21	2	-
Mufti dan anggota JK Fatwa adalah mereka yang berwibawa dan kemahiran tinggi*	11	65	21	2	-
Isu-isu semasa yang dibincangkan dalam mesyuarat JK Fatwa dirujuk kepada pakar-pakar bidang*	14	58	25	1	1
Maklumat fatwa mudah diperolehi*	10	66	20	3	-

* Seorang responden tidak menjawab soalan

A- Sangat Berpuashati, B- Berpuashati, C- Tidak Pasti, D- Tidak Berpuashati, E- Sangat Tidak Berpuashati

Secara umumnya dapat disimpulkan bahawa kebanyakan mahasiswa berpuashati dengan pengurusan fatwa di negeri Selangor dengan purata 61.1%, namun begitu jumlah yang tidak pasti atau sederhana berpuashati adalah juga signifikan, terutama dalam aspek penyelidikan dan penyelarasan fatwa dengan purata 22.4%.

(4) Kegunaan Fatwa Kepada Mahasiswa dan Masyarakat

Empat soalan dikemukakan kepada mahasiswa untuk mengetahui apakah fatwa yang dikeluarkan oleh Jabatan Mufti Selangor itu sesuatu yang relevan dan digunakan oleh mereka. Jawapan yang diperolehi daripada soalan-soalan berkenaan diringkaskan seperti di Jadual 5 di bawah.

Jadual 5: Kegunaan Fatwa Kepada Mahasiswa dan Masyarakat
(Dalam Peratusan)

Soalan	A	B	C	D	E
Fatwa Selangor menjadi rujukan mahasiswa dalam penyelesaian masalah hukum*	8	62	28	1	-
Mahasiswa mengamalkan fatwa Selangor dalam kebanyakan isu*	3	66	25	5	-
Masyarakat bergantung kepada fatwa Selangor untuk menyelesaikan masalah hukum	13	64	21	1	1
Mahasiswa menyebarkan maklumat tentang fatwa kepada masyarakat*	7	55	32	5	-


* Seorang responden tidak menjawab soalan

A- Sangat Bersetuju, B- Bersetuju, C- Tidak Pasti, D- Tidak Bersetuju, E- Sangat Tidak Bersetuju

Majoriti mahasiswa berpandangan fatwa tersebut adalah relevan dengan mereka dan oleh itu turut mengamalkannya dengan purata bersetuju sebanyak 61.8%. Namun begitu jumlah mereka yang tidak berpuashati juga tinggi iaitu dengan purata 26.5%.

(5) Bagaimana Fatwa Diketahui

Mahasiswa ditanya mengenai sumber mendapat fatwa di negeri Selangor. Jawapan yang diberikan menunjukkan kebanyakan responden mendapat maklumat mereka daripada portal JAKIM/ e-Fatwa iaitu 98% diikuti laman web Jabatan Mufti Negeri sebanyak 95%. Cara-cara lain yang terbanyak adalah melalui bahan penerbitan 91%, seminar 89% responden, khutbah 85%, surat khabar 83% dan melalui perbualan 78% responden. Rajah 1 di bawah meringkaskan dapatan berkenaan.



Dapatan di atas adalah berbeza dengan kajian Raihanah Abdullah iaitu cara yang terbanyak mengetahui fatwa rasmi ialah melalui media cetak iaitu sebanyak 61% (2004: 158). Ini tidak menghairankan kerana kajian berkenaan dilakukan antara tahun 2000-2002 yang mana teknologi internet masih belum berkembang. Sungguhpun mahasiswa nampaknya menggunakan internet sebagai kaedah untuk mendapat maklumat fatwa, namun saluran akhbar masih lagi penting di mana jawapan yang diterima adalah sebanyak 83% respons. Penggunaan teknologi internet meningkat kerana pihak Jabatan Mufti telah mula memuatnaikkan semua fatwa rasmi ke dalam laman sesawang mereka oleh Unit Teknologi Maklumat Jabatan Mufti. Ini memudahkan carian fatwa di internet. Sungguhpun demikian ada penulis yang skeptik terhadap penggunaan internet ini kerana mudah untuk menyebarkan ajaran yang salah atau fatwa yang tidak tepat (Uthman El-Muhammady, 1998: 191-194 dan Gary R Bunt, 2014: 191-6).

(6) Penerimaan/Pandangan Terhadap Empat Fatwa Terpilih

Empat fatwa telah dipilih untuk mendapat pandangan mahasiswa samada mereka bersetuju atau tidak dengan fatwa berkenaan. Hasil temubual adalah diringkaskan di dalam Jadual 6 seperti di bawah.

Jadual 6: Penerimaan/Pandangan Terhadap Empat Fatwa Terpilih

Soalan	A	B	C	D	E
Fatwa pengharaman merokok tahun 1995*	17	63	17	1	1
Fatwa pengharaman mengambil insurans am tahun 2008	11	53	31	4	1
Fatwa pengharaman menyertai pertandingan ratu cantik tahun 1995*	19	59	20	1	-

Fatwa pengharaman mengamal ajaran sesat (pelbagai tahun)**	24	60	10	2	-
--	----	----	----	---	---

* Seorang tidak menjawab ** Empat tidak menjawab

A- Sangat Bersetuju, B- Bersetuju, C- Tidak Pasti, D- Tidak Bersetuju, E- Sangat Tidak Bersetuju

Jadual 6 di atas menunjukkan majoriti mahasiswa menerima hukum yang diputuskan oleh Jabatan Mufti dengan purata bersetuju sebanyak 58.8% sungguhpun terdapat jumlah signifikan yang tidak pasti samada untuk menerimanya atau tidak dengan purata 19.5%. Dapatan ini adalah bersamaan dengan dapatan kajian Raihanah Abdullah (2004: 149-150) yang menunjukkan bahawa fatwa pengharaman merokok dan pertandingan ratu cantik merupakan fatwa yang banyak diketahui oleh masyarakat masing-masing sebanyak 24.9% dan 18.3%.

(7) Cadangan

Responden telah ditanya terhadap beberapa cadangan yang berkaitan dengan pengurusan fatwa di Malaysia. Hanya dua jawapan yang disediakan iaitu ya atau tidak seperti di bawah.

- (A) Mewujudkan Institut Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa Malaysia di negeri Selangor mendapati 99% bersetuju.
- (B) Mufti di negeri Selangor dilantik sebagai Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (EXCO) mendapati 73% bersetuju dan 27% tidak bersetuju.
- (C) Penyebaran fatwa melalui teknologi terkini seperti sms, email, laman sosial dan sebagainya mendapati 92% bersetuju dan 8% tidak bersetuju.
- (D) Mahasiswa menjadi jurucakap bagi penyebaran keputusan fatwa Selangor mendapati 81% bersetuju dan 19% tidak bersetuju.

Dua antara cadangan di atas di para B dan C sudah dilaksanakan di sesetengah negeri, manakala cadangan di para A secara aktiviti sudah berjalan melalui bahagian penyelidikan Jabatan Mufti dan juga penyelidikan di universiti-universiti tempatan. Cadangan di para D adalah cadangan khusus yang perlu dipertimbangkan oleh Jabatan Mufti. Penggunaan mahasiswa atau remaja dalam aktiviti sosial dan penyebaran maklumat sudah banyak dilakukan pada bidang-bidang yang lain seperti rakan muda, rakan polis dan sebagainya. Oleh yang demikian cadangan ini mungkin mempunyai potensi dan peluang yang sama.

PENUTUP

Pentadbiran fatwa di Selangor sebagaimana yang dibentangkan di atas tidaklah banyak berbeza dengan negeri-negeri lain di Malaysia dari segi fungsi, pengurusan, prosedur pengeluaran fatwa dan kuasa perundangan yang berkaitan. Sejak dari permulaan millennia baru, telah berlaku banyak perubahan yang memberi kesan kepada persepsi masyarakat terhadapnya. Pada masa dahulu sebagaimana mengikut kajian Othman Ishak, Raihanah Abdullah dan Hasnan

Kasan, sungguhpun masyarakat menghormati Mufti-mufti tetapi mereka keliru dengan fatwa-fatwa yang dikeluarkan. Ini sekaligus akan memberi tanggapan yang negatif kepada fatwa yang dikeluarkan. Perkara ini nampaknya sudah mula berubah di mana daripada analisis terhadap hasil soal selidik pelajar-pelajar IPTA mendapati mereka secara majoritinya bersetuju dan berpuashati dengan pengurusan dan keputusan fatwa negeri Selangor dengan purata seperti berikut:

Jadual 7: Purata Hasil Dapatan Analisis Borang Soal Selidik Pelajar Terhadap Fatwa di Negeri Selangor

Soalan	A	B	C	D	E
Kefahaman Terhadap Konsep Fatwa	19.8	55	18	4.1	2.1
Persepsi Terhadap Pengurusan Fatwa	12.6	61.6	22.4	2	0.9
Kegunaan Fatwa	7.8	61.8	26.5	3	0.3
Penerimaan Hukum Fatwa	17.6	58.8	19.5	2	0.5

Berdasarkan kepada Jadual 8 di atas, purata mahasiswa sangat berpuashati dan sangat bersetuju serta berpuashati dan bersetuju adalah melebihi 69% bagi kesemua aspek soalan yang ditanya. Manakala bagi yang tidak pasti atau sederhana bersetuju dan berpuashati adalah signifikan dengan purata melebihi 18% keatas. Manakala purata yang tidak bersetuju adalah kecil tidak melebihi 5%. Jumlah purata tertinggi sangat berpuashati dan sangat bersetuju serta berpuashati dan bersetuju ialah terhadap penerimaan hukum fatwa sebanyak 76.4% dan kefahaman terhadap konsep fatwa sebanyak 74.8%.

Peratusan sangat berpuashati dan berpuashati yang tinggi ini mungkin kerana latarbelakang akademik mereka yang tinggi membolehkan mereka mengakses maklumat fatwa serta menilai pengurusan dan keputusan fatwa berkenaan. Faktor seterusnya ialah kemudahan untuk mengakses bahan-bahan fatwa akibat daripada cadangan-cadangan menggunakan teknologi supaya maklumat dapat disebarluas dengan lebih mudah dan cepat (Najwa Hayati Mohd Alwi, 2006: 299-300). Hasil analisis ini secara tidak langsung menunjukkan pembaharuan dan perubahan yang berlaku di Jabatan Mufti baik dari segi struktur organisasi dan perundangan telah meningkatkan imej jabatan dan seterusnya kepercayaan masyarakat kepadanya. Namun faktor terpenting mengikut kajian ini ialah saluran penyampaian maklumat fatwa yang cepat dan berkesan boleh meningkatkan kefahaman dan penerimaan fatwa di kalangan masyarakat. Dapatan ini disokong oleh Hasan Kasan yang menyatakan bahawa antara kritikan utama pengurusan fatwa di Malaysia ialah dokumentasi fatwa bagi tujuan rujukan dan bacaan masih tidak memuaskan (2008: 137).

Sungguhpun demikian terdapat beberapa aspek yang perlu diberi perhatian memandangkan terdapat peratusan yang signifikan yang tidak pasti atau sederhana bersetuju atau berpuashati kepada perkara tersebut iaitu persepsi terhadap pengurusan fatwa, kegunaan fatwa dan penerimaan fatwa. Begitu juga terdapat peratusan yang signifikan terhadap kefahaman maksud fatwa yang

diwartakan. Perkara ini tidak dapat dielakkan kerana maksud yang diberikan oleh undang-undang adalah terlalu teknikal sebagaimana yang diperuntukkan pada seksyen 48(9). Oleh itu pada pandangan penulis maksud fatwa perlu juga diperluaskan kepada bentuk yang lain terutama pandangan JKF yang tidak dibawa kepada Majlis dan DYMM Sultan untuk diwartakan sebagaimana yang dinyatakan di atas.

Tidak dapat dinafikan terdapat beberapa kekurangan pada analisis terhadap jumlah jawapan seperti dalam jadual terutama tidak meneliti dengan mendalam pecahan mereka yang bersetuju atau sebaliknya dari segi jantina, universiti dan aliran pengajian. Perkara ini tidak dilakukan dalam kajian ini kerana kekangan faktor-faktor tertentu. Oleh yang demikian adalah diharapkan kajian akan datang akan dapat menditilkan lagi item-item ini supaya kefahaman yang lebih mendalam boleh diperolehi bagi memantapkan lagi pengurusan dan pentadbiran fatwa di Malaysia. Secara umumnya dapat disimpulkan daripada dapatan di atas bahawa mahasiswa sebagai golongan intelek dan pemimpin masa hadapan memahami kepentingan isu-isu utama negara dan tidak mudah dipengaruhi oleh elemen negatif. Perkara ini nampaknya disokong oleh kajian di kalangan mahasiswa di empat buah universiti berasaskan teknikal mendapati tahap kesedaran yang tinggi terhadap isu perpaduan berbanding politik dan ekonomi (Razli Ahmad et.al, 2014: 132-133). Dapatan kajian sebegini telah memberi satu gambaran bahawa fatwa jika diuruskan dengan baik akan memberi impak yang positif kepada perkembangan Islam terutama dalam menghadapi cabaran semasa dan ancaman intelektual dari luar dan dalam.

RUJUKAN

Buku

Abdul Monir Yaacob. 1998. Perkembangan Institusi Mufti di Malaysia. Dalam Abdul Monir Yaacob dan Wan Roslili Majid (eds.). *Mufti dan Fatwa di Negara-negara ASEAN*. Kuala Lumpur: IKIM. 113-44

Ahmad Hidayat Buang (ed.). 2004. *Fatwa di Malaysia*, Kuala Lumpur: Jabatan Syariah dan Undang-undang, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.

Ahmad Hidayat Buang. 2006. Kearah Penyelarasan Fatwa: Masalah, Kemungkinan dan Cara Penyelesaian. dalam Abdul Samat Musa et.al. *Prinsip dan Pengurusan Fatwa di Negara-negara Asean*. Nilai: KUIM. 25-54.

Ahmad Ibrahim. 1997A. Hakim, Pegawai Undang-undang, Pegawa Hal Ehwal Islam: Perspektif dan Cabaran. Dalam *Pentadbiran Undang-undang Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: IKIM: 97-115.

Ahmad Ibrahim. 1997B. Undang-undang Islam di Mahkamah Sivil. dalam *Pentadbiran Undang-undang Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: IKIM: 75-95.

Bunt, Gary R. 2014. Islam, Social Networking and the Cloud. dalam Jeffrey T. Kenny dan Ebrahim Moosa (eds). *Islam in the Modern World*. London: Routledge. 177-208.

Hasnan Kasan. 2008. *Institusi Fatwa di Malaysia*. Bangi: Penerbit UKM.

Farid Sufian Shuaib. 2008. Strengthening Administrative Institutions of Islamic Law in Malaysia: An Overview. *Jurnal Syariah* 16 (Special Edition): 443-464.

Farid Sufian Shuaib. 2009. Pentadbiran dan Institusi Islam di Malaysia: Cadangan kearah Pemantapan. *Kanun* 21(1): 12-28.

Pejabat Mufti Negeri Selangor (n.d.) *Fatwa Warta Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan (1995 hingga 2009)*.

Ismail Mat dan Ideris Endut. 1992. Haji Yusuf Shahabuddin (1889-1973) Mufti Pertama Selangor. dalam Ismail Mat (ed.). *Ulama Silam dalam Kenangan*. Bangi: Penerbit UKM. 119-128.

Najwa Hayati Mohd Alwi. 2006. The Implementation of ICT in the Promulgation of Fatwa: Needs and Implication. dalam Abdul Samat Musa et.al. (eds.). *Prinsip dan Pengurusan Fatwa di Negara-negara Asean*. Nilai: KUIM. 295-302

Noraini Idris. 2010. *Penyelidikan Dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: Mc Graw Hill.

Othman Ishak. 1981. *Fatwa dalam Perundangan Islam*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti.

Mahmood Zuhdi Abdul Majid. 2004. Fatwa dan Isu Semasa: Masalah dan Cabaran di Malaysia. *Jurnal Syariah* 12(2): 79-93.

Mazni Abdul Wahab. 2002. Sejarah Penubuhan Institusi Fatwa di Negeri Selangor. *Jurnal Syariah*. 10(2): 1-18.

Mazni Abdul Wahab. 2004. Pewartaan Fatwa Menurut Enakmen Pentadbiran Perundangan Islam Selangor 1989 dan Penguatkuasaannya. *Jurnal Syariah* 12(2): 123-147.

Mohamed Ajmal Abdul Razak. 2103. *Mencari Nama Tuhan: Penganut Kristian dan Hak Penggunaan Kalimah Allah*. Kuala Lumpur.

Mohammad Hashim Kamali. Mohammad Hashim Kamali. 1997-1998. Islamic Law in Malaysia: Issues and Developments. dalam Euguen Contran and Chibli Mallat (eds.), *Yearbook of Islamic and Middle Eastern Law 1997-1998*, volume 4, London: Kluwer Law International. 153-179.

Mohd Hisham Mohd Kamal. 2009. Office of the Mufti in Malaysia: Legal History and Constitutional Role. *Shariah Law Reports* 3: 20-43.

Mohd Sanusi Mahmood. 1984. The Role of the Mufti in the Administration of the Court System. *Syariah Law Journal* November 53-61.

Muhammad Ikhlas Rosele et.al. 2013. Konflik Fatwa di Malaysia: Satu Kajian Awal. *Jurnal Fiqh* 10: 31-56.

Nooh Gadot. 2005. Kedudukan dan Peranan Fatwa dalam Pelaksanaan Undang-undang di Malaysia. Dalam Siti Shamsiah Supi (ed.). *Asas dan Kerangka Perundangan Negara Islam-Malaysia*. Kuala Lumpur: IKIM. 49-66.

Nurjaanah Abdullah @ Chew Li Hua. 2007. Legislating Faith in Malaysia. *Singapore Journal of Legal Studies* December 264-289.

Razli Ahmad, Hanum Hassan dan Mohamad Hafiz Mohamad Shokri. 2014. Tahap Kesedaran Mahasiswa Kejuruteraan Rangkaian Universiti-universiti Teknikal Malaysia (MTUN) Terhadap Isu Perpaduan. Dalam Kamaruddin M. Said. *Perpaduan Nasional Dalam Pelbagai Perspektif*. Putrajaya: Majlis Profesor Negara dan Kuala Terengganu: Penerbit Universiti Sultan Zainal Abidin. 126-138.

Salmi Amalia Jamil et.al. 2007. Pemakaian Fatwa di Mahkamah Syariah di Malaysia: Satu Kajian Perbandingan. *Shariah Law Reports* 3: 33-48.

Suwaid Tapah. 2004. Perundangan dan Penguatkuasaan Fatwa. dalam Ahmad Hidayat Buang (ed.), *Fatwa di Malaysia*, Kuala Lumpur: Jabatan Syariah dan Undang-undang 25-41.

Uthman El-Muhammady. 1998. Bank Fatwa dan Internet. Dalam Abdul Monir Yaacob dan Wan Roslili Abd Majid (eds.). *Mufti dan Fatwa di Negara-negara ASEAN*. Kuala Lumpur: IKIM. 191-194.

Zulkifli Mohamad al-Bakri dan Lukmanul Hakim Hj Hanafi. 2011. Keabsahan Penggunaan Nama Allah SWT: ‘Urf, Fatwa dan Perundangan. *Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa* 2: 91-113.

Jurnal

Shad Saleem Faruqi 1997. Beauty Contests and Syariah Law in Selangor. *Current Law Journal* 4: i-xiv.

Shad, S. F. 1998. Constitutional supremacy, fundamental rights & fatwas. *INSAF* 1: 25-56.

Shahrin Tarmizi Che Abdullah, Azarisman Shah Mohd Shah and Puteri Melor Azarisman Shah and Ab. Rahman Jamalludin and How Soon Hin. (2007). Perception of the Islamic ruling on smoking among Muslim adults in Malaysia: A Preliminary Survey. *International Medical Journal Malaysia* 6(2): 1-9.

Suwaid Tapah. 1993. Undang-undang Pentadbiran Fatwa di Malaysia. *Jurnal Syariah* 2(1): 347-353.

Lampiran

Senarai mufti-mufti negeri Selangor dari tahun 1935-sekarang

- (1) Tengku Sheikhul Islam Tengku Mahmud Zuhdi bin Tengku Abdul Rahman (1935-1952)
- (2) Sahibus Samahah Dato' Seri Utama Diraja Dato' Haji Yusuf bin Sahabuddin (1953-1968)
- (3) Sahibus Samahah Dato' Seri Utama Diraja Dato' Haji Ghazali bin Haji Abdullah (1968-1973)
- (4) Sahibus Samahah Dato' Seri Utama Diraja Dato' Haji Md Salleh bin Hassan Farid (1974-1976)
- (5) Sahibus Samahah Dato' Seri Utama Diraja Dato' Haji Hassan bin Haji Omar (1976-1985)
- (6) Sahibus Samahah Dato' Seri Utama Diraja Dato' Haji Ishak bin Haji Baharom (1985-1997)
- (7) Sahibus Samahah Dato' Seri Utama Diraja Dato' Haji Mohd Tamyas bin Abd Wahid (1998- sekarang)

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.